

L A P O R A N  
KEMAJUAN PROJEK  
S I S P U K O M  
(SISTEM PERPUSTAKAAN BERKOMPUTER)

dari:

KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
JALAN OTHMAN  
PETALING JAYA

diserahkan kepada:

Pusat Penyelidikan, Perancangan dan Pembangunan (PPPP),  
Institut Teknologi MARA, untuk  
Mesyuarat Jawatankuasa Mengendalikan PPPP,  
kali ke sepuluh, 25hb Februari, 1985.

## KANDUNGAN

	<u>Mukasurat</u>
PENGENALAN	1
1. LATARBELAKANG	
1.1 Latarbelakang/Sejarah Projek SISPUKOM	2
1.2 Objektif Projek SISPUKOM	3
1.3 Kumpulan Projek SISPUKOM	4
1.4 Jangkamasa/Skedul Projek SISPUKOM	4
1.5 Operasi Masa Kini	5
2. DISKRIPSI SISTEM	7
2.1 Aspek Kaedah Rekabentuk Sistem	9
3. REKABENTUK PENGKALAN DATA	
3.1 Jenis Pengkalan Data	10
3.2 Saiz Pengkalan Data	10
4. SOFTWARE & HARDWARE	
4.1 Spesifikasi Software	11
4.2 Sistem Operasi	12
4.3 Hardware	12
5. KOS	12
6. RUMUSAN	13
LAMPIRAN I - Laporan Kemajuan Bulanan	
LAMPIRAN II - Diskripsi Input	
LAMPIRAN III - Diskripsi Output	

## 1. LATARBELAKANG

### 1.1 Latarbelakang/Sejarah Projek SISPUKOM

Perpustakaan ITM, Jalan Othman yang terletak di bawah pentadbiran Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat, telah memberi sumbangan profesional sebagai sebuah perpustakaan demonstrasi kepada para pelajar Kajian dan juga berfungsi sebagai perpustakaan akademik yang memberi perkhidmatan maklumat kepada kajian-kajian lain di Kampus Jalan Othman. Ketika ini koleksi perpustakaan telah meningkat kepada 40,000 rekod bahan buku dan 300 tajuk bahan bersiri.

Sejak akhir tahun tujuh puluhan, Kajian telah mewujudkan kursus yang merangkumi elemen komputer dalam bidang kepustakawanan. Menjelang tahun 1983, Kajian telah memperkembangkan Kursus Sains Maklumat, dan telah memperolehi dua unit komputer mikro NEC PC 8800 dari ITM.

Memandangkan perkembangan Kursus Sains Maklumat, yang antara lain ingin memberi pendedahan dan pengalaman secara praktik

kepada para pelajar dalam bidang aplikasi komputer, Kajian memikirkan bahawa, kajian kes keatas Perpustakaan ITM Jalan Othman adalah tepat sekali untuk dipermulakan. Ketua Kajian pada masa itu (Dr. Katni Kamsono Kibat) telah mengesyorkan agar satu kumpulan projek diwujudkan, untuk mengenalpasti masalah sistem perpustakaan dan merekabentuk satu sistem otomasi untuk mewujudkan sistem perpustakaan bersepadu, sambil membuat pengajian tentang sejauhmana sistem mikro dapat menampung sistem bersepadu ini.

Para pelajar yang mengambil Kursus LSC 381: Aplikasi Komputer di Perpustakaan II, telah diberi bimbingan dan pengawasan rapi oleh dua orang pensyarah dan penganalisa sistem dari NEC (BCSB), sebagai penasihat mengenai masalah dalam peringkat sistem 'software' komputer.

## 1.2 Objektif Projek SISPUKOM

- i. untuk memberi pendedahan kepada para pelajar, mengenai kaedah mewujudkan sistem perpustakaan berotomasi;

- ii. untuk mewujudkan satu sistem perpustakaan bersepadu, dengan menggunakan komputer-mikro, dan diaplikasikan kepada perpustakaan demonstrasi dan seterusnya dijadikan sebagai alat CAI (Computer Aided Instruction) untuk pembelajaran dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat.

### 1.3 Kumpulan Projek SISPUKOM

Pentadbir : Ketua Kajian  
Pengawas : Cik Indahsah Haji Sidek  
+  
Pensyarah : Encik Mohd. Isa Samat  
Penasihat : Puan Laila Hassan  
Sistem : Cik Nor Aziah Abdullah  
Perpustakaan : Cik Hasnah Abd. Rahim  
Penasihat : Encik Yazid Ismail  
Sistem : Cik Geeta Albert  
Komputer  
Wakil : Encik Abdul Bashah Mat Ali  
Pelajar  
dari Kursus  
LSC 381

### 1.4 Jangkamasa/Skedul Projek SISPUKOM

Perancangan secara menyeluruh telah dimulakan pada bulan Januari 1984, dengan mengambil masa lima bulan, untuk mencapai tahap penyelenggaraan secara 'prototype' yang telah dilancarkan pada 23hb Mei 1984.